



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KEUNGGULAN KEPENGARANGAN ANWAR RIDHWAN DALAM NOVEL-NOVEL TERPILIH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

MOHAMAD ROSMIZI BIN MAHAMAD

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



**KEUNGGULAN KEPENGARANGAN ANWAR RIDHWAN
DALAM NOVEL-NOVEL TERPILIH**

MOHAMAD ROSMIZI BIN MAHAMAD



**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(KESUSASTERAAAN MELAYU)
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2021





Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 12 JANUARI 2021

i. Perakuan pelajar :

Saya, **MOHAMAD ROSMIZI BIN MAHAMAD, M20172002001 FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI** dengan ini mengaku bahawa tesis yang bertajuk **KEUNGGULAN KEPENGARANGAN ANWAR RIDHWAN DALAM NOVEL-NOVEL TERPILIH** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia :

Saya **DR. GHAZALI BIN DIN** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **KEUNGGULAN KEPENGARANGAN ANWAR RIDHWAN DALAM NOVEL-NOVEL TERPILIH** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh Ijazah **SARJANA PENDIDIKAN (KESUSASTERAAN MELAYU)**.

12/01/2021

Tarikh

Tandatangan Penyelia





UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اونيورسيٲى فٲديديقن سلطان اديرس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: KEUNGGULAN KEPENGARANGAN ANWAR RIDHWAN DALAM
NOVEL-NOVEL TERPILIH

No. Matrik / Matric's No.: M20172002001

Saya / I: MOHAMAD ROSMIZI BIN MAHAMAD
(Nama pelajar / Student's Name)

Mengaku membenarkan Tesis/Desertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

Acknowledge that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan sainan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissestation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

- ☐ **SULIT/CONFIDENTIAL** Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*
- ☐ **TERHAD/RESTRICTED** Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*
- ☐ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar / Signature)

Tarikh: 12 JANUARI 2021

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah S.W.T Yang Maha Pengasih Lagi maha Penyayang.

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana atas limpah dan kurniaNya, saya telah menyiapkan penulisan kajian ilmiah yang bertajuk Keunggulan Kepengarangan Anwar Ridhwan Dalam Novel-Novel Terpilih dengan jayanya. Kerjasama dan sokongan padu daripada keluarga, pensyarah, ketua jabatan, rakan seperjuangan, anak-anak didik serta pelbagai pihak mempengaruhi impian menamatkan penyelidikan bagi program Ijazah Sarjana Pendidikan Kesusasteraan Melayu.

Kejayaan menyiapkan tesis ini memerlukan cabaran dan pengorbanan yang perlu dilalui bukan sahaja dalam diri sendiri malah membabitkan individu-individu tertentu yang telah banyak membantu malah berkongsi pengalaman terhadap setiap masalah yang dihadapi. Sesungguhnya Allah S.W.T sahaja yang dapat membalas segala budi dan jasa yang diberikan.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih tidak terhingga kepada pensyarah yang bertindak selaku penyelia saya iaitu Dr. Ghazali Bin Din yang penuh sabar dan komited memberi tunjuk ajar, bimbingan serta nasihat bagi membantu saya menyiapkan kajian ini. Sesungguhnya, ilmu yang telah ditunjuk ajar akan dimanfaatkan sebaik mungkin sebagai satu keperluan dan ibadah dalam meneroka pengetahuan yang bermaklumat dan berguna kepada diri saya dan masyarakat.

Akhir sekali saya juga mengambil peluang untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada insan tersayang iaitu isteri, Ritawati Binti Sukaime dan anak-anak saya Mohamad Arman Alfie dan Nur Ayra Ariana atas kesabaran memahami kekangan dan keterbatasan masa sepanjang saya menghabiskan kajian ini. Turut diucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah menaja kos pengajian melalui biasiswa HLPS sepanjang saya menjalankan kajian ini. Terima kasih sekali lagi atas segala nasihat, dorongan, bantuan, doa dan restu bagi saya mencapai inspirasi dan berjaya menjalankan kajian ilmiah ini.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti dan menganalisis keunggulan kepengarangan novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan*. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif dengan kaedah kepustakaan yang dianalisis secara deskriptif. Asas dan dasar kajian ini dianalisis melalui empat prinsip teori Teksdealisme iaitu prinsip kehadiran, prinsip pelanggaran, prinsip pengukuhan dan prinsip individualisme. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa, keunggulan Anwar Ridhwan dalam prinsip kehadiran teori Teksdealisme telah berjaya menghadirkan pengalaman melalui pengembaraan, pengalaman perkhidmatan, kehidupan masyarakat dan penyelidikan yang dilakukan. Begitu juga prinsip pelanggaran yang membolehkan Anwar Ridhwan berani mengemukakan pelanggaran tema dan persoalan, pelanggaran dari segi watak dan perwatakan serta pelanggaran nilai kemanusiaan yang memberi pembaharuan idea dalam kepengarangan. Prinsip pengukuhan pula, membuktikan kesungguhan Anwar Ridhwan meningkatkan kualiti kedua-dua novel melalui pengukuhan nilai murni yang disampaikan dengan penuh perlambangan dan simbolisme. Prinsip Individualisme pula telah mengangkat cita-cita dan personaliti Anwar Ridhwan melalui pemantapan diri dan teks, keperibadian dari segi gaya bahasa serta membentuk stilistik dan persembahan novel yang dipengaruhi ideologi realisme. Analisis terhadap empat prinsip teori Teksdealisme turut menemukan konsep keunggulan baharu iaitu Citra Keunggulan Insan melalui tiga prinsip iaitu prinsip hijrah, prinsip jati diri dan prinsip insaniah. Prinsip hijrah diasosiasikan melalui prinsip kehadiran manakala prinsip jati diri diasosiasikan melalui prinsip pelanggaran dan prinsip pengukuhan serta prinsip Insaniah telah diasosiasikan melalui prinsip individualisme. Keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan dibuktikan hadir melalui pengalaman yang mencetuskan idea dengan pembaharuan serta diperkukuh dengan nilai-nilai murni selain turut mempertingkatkan personaliti kepengarangan. Justeru, kajian ini memberi implikasi kepada penyelidik sebagai asas memahami proses kepengarangan dan membantu pembaca memilih karya yang unggul serta mendorong pengarang kini mempertingkatkan karya dengan menampilkan elemen penting dalam proses kepengarangan.





THE ADVANTAGE OF WRITING OF ANWAR RIDHWAN'S SELECTED NOVELS

ABSTRACT

The objective of this study is to identify and analyze the authorship of Naratif Ogonshoto novel and Penyeberang Sempadan novel. This study uses a qualitative study design with literature method that descriptively analyzed. The basis and policy of this study is analyzed through the four principles of the theory of Teksdealisme, namely the principle of presence, the principle of violation, the principle of affirmation and the principle of individualism. This study show that, Anwar Ridhwan's superiority in the principle of the presence in Teksdealisme theory has succeeded in presenting experiences through adventure, service experience, community life and research conducted. Similarly, the principle of violation that allows Anwar Ridhwan to bravely submit violations of themes and questions, violations in terms of character as well as violations of human values that give the renewal of ideas in authorship. The principle of affirmation, on the other hand, proves the seriousness of Anwar Ridhwan to improve the quality of both novels through the strengthening of noble values that are presented with full symbolism. The principle of Individualism has raised the ideals and personality of Anwar Ridhwan through the consolidation of self and text, personality in terms of language style as well as shaping the style and presentation of novels influenced by the ideology of realism. The analysis of the four principles of the theory Teksdealisme also found a new concept of superiority, namely Citra Keunggulan Insan through three principles, namely the principle of migration, the principle of identity and the principle of softness. The principle of migration is associated through the principle of presence while the principle of identity is associated through the principle of violation and the principle of affirmation as well as the principle of softness has been associated through the principle of Individualism. Anwar Ridhwan's authorship excellence is proven to be present through experiences that spark ideas with reforms as well as reinforced with noble values as well as enhancing authorship personality. Thus, this study has implications for researchers as a basis to understand the authorship process and help readers choose a superior work and encourage the nowadays author to improve the work by featuring important elements in the authorship process.



ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
SENARAI LAMPIRAN	xiii

BAB 1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	4
	1.3 Pernyataan Masalah	11
	1.4 Objektif Kajian	17
	1.5 Soalan Kajian	18
	1.6 Kepentingan Kajian	18
	1.7 Batasan Kajian	19
	1.8 Definisi Konseptual	21
	1.8.1 Keunggulan	21
	1.8.2 Kepengarangan	23
	1.8.3 Novel	27

1.8.4	Latar Belakang Anwar Ridhwan	30
1.9	Kesimpulan	33
BAB 2	TINJAUAN LITERATUR	35
2.1	Pengenalan	35
2.2	Kajian Literatur Berkaitan Keunggulan Kepengarangan	36
2.3	Kajian Literatur Berkaitan Sasterawan Negara Anwar Ridhwan	41
2.4	Kajian Berkaitan Teori Teksdealisme	45
2.5	Kesimpulan	50
BAB 3	METODOLOGI	53
3.1	Pengenalan	53
3.2	Reka Bentuk kajian	55
3.2.1	Kajian kepustakaan	57
3.2.2	Kajian analisis kandungan	58
3.3	Instrumen Kajian	59
3.3.1	Instrumen Senarai Semak Aspek-Aspek Keunggulan Kepengarangan Anwar Ridhwan dalam novel <i>Naratif Ogonshoto</i>	60
3.3.2	Instrumen Senarai Semak Aspek-Aspek Keunggulan Kepengarangan Anwar Ridhwan dalam novel <i>Penyeberang Sempadan</i>	62
3.4	Prosedur Pengumpulan data	70
3.5	Analisis dan Interpretasi data	73
3.6	Kerangka Teori	74
3.6.1	Pengasas Teori	75
3.6.2	Teori Teksdealisme	78
3.6.3	Prinsip-prinsip dalam Teori Teksdealisme	81

3.7	Konsep Keunggulan Kepengarangan “Citra Keunggulan Insan”	93
3.7.1	Prinsip Hijrah	94
3.7.2	Prinsip Jati diri	97
3.7.3	Prinsip Insaniah	101
3.8	Kesimpulan	103
BAB 4	ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN	105
4.1	Pengenalan	105
4.2	Aspek Keunggulan Kepengarangan Anwar Ridhwan	106
4.2.1	Prinsip Kehadiran	107
4.2.1.1	Proses Kehadiran Pengalaman Melalui Pengembaraan	110
4.2.1.2	Proses Kehadiran Pengalaman Melalui Pekerjaan dan Perkhidmatan	115
4.2.1.3	Pengalaman Melalui Kehidupan Masyarakat	119
4.2.1.4	Pengalaman Melalui Pembacaan dan Penyelidikan	125
4.2.2	Prinsip Pelanggaran	129
4.2.2.1	Pelanggaran tema dan persoalan	131
4.2.2.2	Pelanggaran Dari Segi Watak dan Perwatakan	138
4.2.2.3	Pelanggaran Teknik	145
4.2.3	Prinsip Pengukuhan	157
4.2.3.1	Pengukuhan Nilai Murni	159
4.2.4	Prinsip Individualisme	167
4.2.4.1	Pemantapan diri dan teks	170
4.2.4.2	Keperibadian Dari Segi Gaya Bahasa	175
4.2.4.3	Stailistik dan Persembahan Novel	183
4.3	Konsep Keunggulan Kepengarangan Anwar Ridhwan	190
4.3.1	Prinsip Hijrah	191
4.3.2	Prinsip Jati Diri	197

4.3.3	Prinsip Insaniah	203
4.4	Kesimpulan	208
BAB 5	KESIMPULAN DAN CADANGAN	211
5.1	Pengenalan	211
5.2	Rumusan	214
5.3	Implikasi Kajian	218
5.4	Cadangan Kajian	222
5.4.1	Peranan Pengarang Membentuk Kepengarangan	
	Unggul	223
5.4.2	Peranan Institusi Pendidikan	224
5.4.3	Peranan Penerbit Karya Kesusasteraan Melayu	227
5.5	Kesimpulan	228
	RUJUKAN	232
	LAMPIRAN	240



SENARAI JADUAL

No. Jadual

Muka Surat

3.1	Senarai Semak Aspek-Aspek Keunggulan Kepengarangan novel <i>Naratif Ogonshoto</i> berdasarkan prinsip kehadiran	61
3.2	Senarai Semak Aspek-Aspek Keunggulan Kepengarangan novel <i>Penyeberang Sempadan</i> berdasarkan prinsip kehadiran	62
3.3	Senarai Semak Aspek-Aspek Keunggulan Kepengarangan novel <i>Naratif Ogonshoto</i> berdasarkan prinsip pelanggaran	64
3.4	Senarai Semak Aspek-Aspek Keunggulan Kepengarangan novel <i>Penyeberang Sempadan</i> berdasarkan prinsip pelanggaran	65
3.5	Senarai Semak Aspek-Aspek Keunggulan Kepengarangan novel <i>Naratif Ogonshoto</i> berdasarkan prinsip pengukuhan	66
3.6	Senarai Semak Aspek-Aspek Keunggulan Kepengarangan novel <i>Penyeberang Sempadan</i> berdasarkan prinsip pengukuhan	67
3.7	Senarai Semak Aspek-Aspek Keunggulan Kepengarangan novel <i>Naratif Ogonshoto</i> berdasarkan prinsip individualisme	68
3.8	Senarai Semak Aspek-Aspek Keunggulan Kepengarangan novel <i>Penyeberang Sempadan</i> berdasarkan prinsip individualisme	69





SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
3.1	Rajah Reka Bentuk kajian	56
3.2	Senarai semak aspek keunggulan berdasarkan prinsip kehadiran	63
3.3	Senarai semak aspek keunggulan berdasarkan prinsip pelanggaran	66
3.4	Senarai semak aspek keunggulan berdasarkan prinsip pengukuhan	68
3.5	Senarai semak aspek keunggulan berdasarkan prinsip individualisme	70
3.6	Rajah Kerangka Teori	75
3.7	Rajah Kerangka Konsep Citra Keunggulan Insan	94



**SENARAI SINGKATAN**

ASWARA	Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
GAPENA	Gabungan Persatuan Penulis Nasional
ITBM	Institut Terjemahan dan Buku Malaysia
JERI	Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek
KOMSAS	Komponan Sastera
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
MASTERA	Majlis Sastera Asia Tenggara
PKI	Parti Komunis Indonesia
TUFS	Tokyo University of Foreign Studies
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris





SENARAI LAMPIRAN

A Novel *Naratif Ogonshoto* dan Novel *Penyeberang Sempadan*





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kesusasteraan merujuk kepada hasil seni yang disampaikan melalui bahasa. Perkataan kesusasteraan bermaksud kumpulan buku-buku yang indah bahasanya dan baik isinya.

Pada erti kata yang lebih luas, kesusasteraan boleh dimaksudkan sebagai segala pengucapan yang indah-indah, sama ada tertulis atau tidak. Kesusasteraan wujud dalam masyarakat manusia melalui bentuk tulisan dan juga bentuk lisan. Dalam kehidupan seharian, kedua-dua bentuk kesusasteraan sememangnya tidak terpisah dalam kehidupan masyarakat. Misalnya, membaca novel, menonton drama atau filem atau mendengar muzik yang mengandungi lirik lagu yang merupakan hasil sastera. Sastera bukan sahaja dibaca, ditonton, didengari atau ditulis bahkan menjadi resam budaya masyarakat dengan menggunakan pelbagai peribahasa dan pepatah yang indah-indah yang juga merupakan kesusasteraan.

Kesusasteraan Melayu adalah peninggalan nenek moyang yang amat berharga dan merupakan lambang sejarah budaya serta kesenian bahasa dan bangsa Melayu. Menurut Ali Ahmad (2004:2) telah diterima oleh para sarjana bahawa sifat utama





kesusasteraan yang unggul adalah ketinggian nilai kebenarannya. Ketinggian nilai pada Kesusasteraan ini turut diterjemahkan Muhammad Haji Salleh (2005:43) menyatakan bahawa karya sastera yang berkesan adalah apabila dalamnya dicurahkan segala untuk dijadikan teladan, hubungan antara manusia yang melancarkan perjalanan masyarakat, malah hal-hal harian yang dapat membantu seseorang pembaca dalam hidupnya. Berdasarkan tinggi kandungan nilai sastera maka, pengajaran Kesusasteraan Melayu telah dijadikan sebagai satu komponen dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah dan juga di sekolah menengah.

Sejarah perkembangan dan kegemilangan sastera turut dibincangkan oleh Abdul Halim Ali (2011) yang menjelaskan bahawa kesusasteraan merupakan disiplin ilmu yang telah berkembang sejak zaman keagungan tamadun Greek dan Yunani lagi.

Sejak itu, kesusasteraan berkembang pesat hingga mencetuskan pelbagai kritikan, teori dan aliran yang mempengaruhi corak dan kegiatan sastera di barat mahupun di tanah air. Sejarah ini telah menjadi titik permulaan buat perkembangan kesusasteraan di barat dan tanah air hingga berkembang dalam pengajian kesusasteraan melalui tiga disiplin ilmu sastera iaitu teori, sejarah dan kritikan. Teori sastera telah berperanan untuk mendukung hasil kritikan karya sastera selain mendorong wujudnya pelopor para ahli teori dan para kritikan sastera manakala sejarah sastera pula dapat memberi gambaran tentang perkembangan dan kemajuan kesusasteraan sesuatu bangsa. Demikian juga kritikan yang berperanan mengkritik dengan mengkaji dan menilai karya-karya sastera. Perkara ini disebutkan oleh tokoh pelopor sastera barat yang tidak asing Rene Wellek dan Austin Warren (1976:27) yang menegaskan bahawa hasil kritikan dan kajian kesusasteraan yang berkesan dapat meningkatkan kualiti kepengarangan pengarang dan apresiasi kesusasteraan.





Perkembangan kesusasteraan ini juga telah mendorong dalam pegajian subjek kesusasteraan Melayu tanah air yang diajar di sekolah untuk melengkapkan murid-murid dengan ilmu sastera agar dapat menghayati, menghargai, mencintai dan membanggakan bahasa dan sastera Melayu dalam bidang pendidikan dan kerjaya, ke arah pemantapan cita rasa sastera dalam kalangan masyarakat. Perkara ini sejajar dengan hasrat Falsafah Pendidikan Negara yang ingin melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI). Komponen sastera meliputi pendedahan bahan-bahan sastera seperti pantun, syair, hikayat, cerpen, novel dan drama. Berdasarkan sejarah dan kepentingan kesusasteraan sejak perkembangan bahasa di tanah air maka perlu diberi perhatian kepada masyarakat yang mampu menjana minda sebagaimana ditegaskan sekali lagi oleh Muhammad Haji Salleh (2008) bahawa sastera perlu digemblengkan melalui penulisan bersifat ilmiah dan kreatif bagi menjana minda pembaca dan masyarakat. Pada tahun 2000 pula, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan kesusasteraan Melayu sebagai salah satu komponen Bahasa Melayu di sekolah menengah. Rentetan pentingnya subjek ini, maka Falsafah Pendidikan Kesusasteraan telah dirangka pada 2003 dan seterusnya ditambah baik melalui Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Kesusasteraan Melayu Komunikatif yang berhasratkan :

Pendidikan Kesusasteraan Melayu di Malaysia bertujuan untuk menjana minda, rohani dan emosi, mengukuhkan jati diri, menyuburkan budaya bangsa dan memupuk sikap berdaya saing ke arah pembinaan insan bestari.

(Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Kesusasteraan Komunikatif,

2018: hlm.vii)





Salah satu aspek yang terkandung dalam bidang kesusasteraan Melayu ialah kajian tentang kepengarangan yang penting bagi membantu pembaca memahami hubungan latar belakang dan proses penciptaan atau kreativitinya kerana sesebuah karya yang dihasilkan mesti ada bersangkutan dengan dirinya. Bagi Ghazali Din (2016) kajian kepengarangan penting diketahui dan dikaji disebabkan pengarang memberi sumbangan besar dalam mengubah cara berfikir masyarakat serta berperanan mengukuh dan membina keintelektualan pembaca. Oleh yang demikian, bidang kesusasteraan itu sendiri banyak dibantu oleh kepengarangan beberapa pengarang yang berjaya membangkitkan aspek kehidupan demi pembangunan sesebuah masyarakat.

Justeru dalam bab ini, aspek-aspek kepentingan dan permasalahan kajian dibincangkan untuk melihat sejauh mana Sasterawan Negara ke-10 Anwar Ridhwan memiliki keunggulan dalam kepengarangan yang penting dalam dunia sastra tanah air. Perkara ini turut menjadi pendorong kepada penulis-penulis sastra lain untuk menghasilkan karya yang berkesan serta menepati kriteria sebagai sebuah karya yang unggul. Walaupun penelitian dan perbincangan telah dijalankan oleh beberapa pengkaji atau sarjana tempatan berkaitan Anwar Ridhwan, namun tidak pula membuktikan keunggulan kepengarangannya dalam beberapa buah novel terpilih bagi melihat kekuatan unsur dan pemikiran yang digunakan bagi menjadikan karya dan dirinya di takhta unggul yang berbeza dengan pengarang lain sedia ada.

1.2 Latar Belakang Kajian

Beberapa tokoh pengarang hebat telah lahir dalam meletakkan kegemilangan kesusasteraan Melayu yang mempunyai fungsi sebagai cerminan masyarakat. Menurut





Ani Omar (2011) menyatakan bahawa sastera berfungsi untuk menghargai karya-karya kreatif yang telah dihasilkan oleh para penulis tanah air. Tokoh-tokoh ini pula telah diiktiraf dengan pencapaian tertinggi dalam meletakkan sastera sebagai medium penting dalam masyarakat adalah dengan pengiktirafan tinggi negara dalam perkembangan kesusasteraan Melayu sebagai tokoh Sasterawan Negara. Sehingga tahun 2019, seramai 14 tokoh Sasterawan Negara dipilih berdasarkan pemikiran yang dibawa dalam perkembangan sastera Malaysia sebagai salah satu cerminan masyarakat yang penting. Anugerah Sasterawan Negara pertama dianugerahkan kepada Kamaludin Muhammad atau digelar Keris Mas (1981), diikuti Shahnnon Ahmad (1982), Usman Awang (1983), A. Samad Said (1985), Arena Wati (1987), Muhammad Haji Salleh (1991), Noordin Hassan (1993), Abdullah Hussain (1996), Syed Othman Syed Omar (2003), Anwar Ridhwan (2009), Ahmad Kamal Abdullah (2011), Baha Zain (2013), Zurinah Hassan (2015) dan Siti Zainon Ismail (2019). Kejayaan tokoh-tokoh ini membuktikan pengarang sastera dianggap penting sebagai medium cerminan masyarakat dengan membawa imej diri melalui keunggulan unsur yang diketengahkan sebagai panduan yang bermakna buat khalayak.

Kepengarangan tokoh Sasterawan Negara penuh dengan falsafah kehidupan insan, budaya masyarakat, simbolisme citra warisan dan wawasan yang unggul. Mereka meletakkan pelbagai unsur simbolisme sebagai daya intelektual proses kreatif yang berkualiti buat pembaca serta melambangkan situasi zamannya dan keadaan akan datang sebagaimana menurut Mohd Yusof Hasan dan Siti Khariah Mohd. Zubir (2013:2) menyatakan bahawa penulisan karya Sasterawan Negara bersifat futuristik yang telah membuat beberapa ramalan dan jangkaan keadaan dunia pada masa hadapan. Antara unsur yang diketengahkan oleh tokoh-tokoh tersebut ialah unsur





kemasyarakatan, unsur alam, unsur politik, unsur ekonomi sosial. Keunggulan unsur yang diketengahkan ini menjadi tunjang kepada intelektual, proses kreatif dan falsafah pengarang bagi meletakkan kepengarangannya di tahap yang unggul.

Kekuatan unsur yang ditampilkan pengarang turut dilihat dalam novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan* hasil karya tokoh Sasterawan Negara ke-10, Anwar Ridhwan merupakan salah seorang tokoh dalam menyumbangkan kegemilangan kesusasteraan Melayu tanah air. novel *Naratif Ogonshoto* diterbitkan pada tahun 2001 pernah memenangi Hadiah Sastera Perdana 2002/2003 dan Hadiah Sastera Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA) pada tahun 2002. Begitu juga novel *Penyeberang Sempadan* yang diterbitkan pada tahun 2012 dan turut memenangi tempat pertama Hadiah SAKO bagi novel Nasional pada tahun 2002/2007 anjuran Kumpulan Utusan dan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM). Kedua-dua novel tersebut menampilkan keberanian pengarangnya dalam usaha mentransformasikan konvensi sastera bercorak baharu yang berbeza dengan penulis-penulis terkemuka bahkan penulisan yang sedia ada.

Sebagai pelopor yang menyumbang kepada perkembangan sastera tanah air, jangka masa yang panjang perlu ditempuh untuk menghasilkan karya yang benar-benar berkualiti. Bahkan, pelopor ini turut menimba ilmu dan pengalaman hasil daripada kepengarangan tokoh-tokoh sastera yang mendahuluinya seperti Arenawati, Shahnnon Ahmad, Usman Awang dan A. Samad Said serta tokoh lain Sasterawan Negara. Menurut Abdul Halim Ali (2011) dalam jurnalnya *Proses kreativiti A. Samad Said berasaskan teori Teksdealisme*, iaitu proses kepengarangan A. Samad Said menuju ke peringkat keunggulan adalah melalui keberanian selain membuktikan prinsip kehadiran dan hubungannya dengan proses kreatif beliau sepanjang menghasilkan





karya. Hasil ini jelas menunjukkan bahawa kepengarangan pengarang memang tidak dapat lari daripada pengalaman yang menjadi bawaan idea-idea bersama realiti kehidupannya dalam menghasilkan sesebuah karya bagi menonjolkan keunggulannya. Perkara ini turut dijelaskan oleh Mana Sikana (2013:230) menyatakan bahawa pengalaman mempunyai roh dengan kreativiti penulisan teks bahkan pengalaman yang unggul akan melahirkan teks yang unggul, sebaliknya kurang pengalaman bererti kekeringan dalam teks.

Seseorang pengarang yang unggul secara telitinya akan berusaha menggunakan bakat, kebolehan dan keintelektualan yang dianugerahkan dengan membawa unsur-unsur tertentu bersama idea dan olahan yang baharu supaya mencapai tahap unggul. Menurut Abdul Halim Ali (2015:187) bahawa pengarang dituntut supaya berani mengemukakan idea-idea baharu, teknik penulisan baharu, mengekalkan dan mempertahankan stail yang dibina sendiri atau pun menghasilkan inovasi-inovasi yang mungkin luar biasa pada pandangan umum. Transformasi yang dilakukan pengarang bukanlah sebarangan melainkan turut memiliki kebijaksanaan yang dianugerahkan bagi menampilkan keaslian, keupayaan berfikir secara kreatif malah berusaha menampilkan imej atau identiti tersendiri. Demikian sifat yang harus dimiliki oleh pengarang yang mampu mencipta, meneroka dan menghasilkan karya yang unggul demi pembentukan dan pembangunan masyarakat.

Bagi Ghazali Din (2016) melalui kajian *Kepengarangan Muhammad Haji Salleh berasaskan model proses kreatif Teks naluri* telah membuat kesimpulan bahawa pengaruh naluri telah mempengaruhi kepengarangan Muhammad Haji Salleh dalam proses bawah sedarnya untuk mengembangkan idea dan penggunaan diksi dalam penghasilan puisi beliau. Hasil naluri tersebut telah menyerlahkan sifat kebijaksanaan





dalam proses menghasilkan keunggulan kepengarangannya. Malahan, tidak sekadar naluri tersebut membina keunggulan kepengarangan beliau sebaliknya turut dipengaruhi oleh intelektualisme kehadiran pengalaman beliau sendiri melalui pengembaraan dalam menghasilkan puisi-puisi yang bermakna. Perkara ini dijelaskan Mana Sikana (2015: 128) yang menyatakan bahawa subjek diri yang diungguli Muhammad Haji Salleh ialah hasil daripada pengembaraan atau pengalaman perjalanan beliau mengenal budaya luar telah banyak menggerakkan keintelektualan beliau dalam karyanya. Maka, perkara sedemikian menjadi penyumbang kepada keunggulan kepengarangan beliau di takhta puisi sastera tanah air.

Meneliti kepada aspek kajian yang dijalankan ini, keunggulan kepengarangan yang dimiliki oleh Anwar Ridhwan akan diteliti sebagaimana kajian kepengarangan tokoh-tokoh sastera lain. Novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan* akan menjadi bahan utama kajian untuk dianalisis bagi membuktikan keunggulan kepengarangan beliau. Sesungguhnya tahap keunggulan menjadi idaman bagi setiap pengarang sastera untuk meletakkan karyanya di takhta unggul. Begitu juga dilihat melalui diri Anwar Ridhwan yang berusaha menggunakan kebijaksanaan yang dianugerahkan bagi menghasilkan karya yang benar-benar unggul. Menurut Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali (2014:75) bahawa daripada hasil penulisan beliau, jelas menunjukkan bahawa ikon Anwar Ridhwan mementingkan kualiti dan bukannya kuantiti dalam berkarya dan telah dilihat menjadi satu ikon penting dalam sejarah kesusasteraan Melayu moden Malaysia.

Keistimewaan yang dimiliki Anwar Ridhwan telah dibuktikan apabila beliau telah memenangi beberapa hadiah penting sastera dalam negara mahupun luar negara. Antara hadiah tertinggi yang dimenangi beliau ialah *S.E.A Write Award* pada tahun





2002 dan turut dianugerahkan Pingat Datuk Paduka Mahkota Selangor pada tahun yang sama, juga sebagai Tokoh Budayawan Selangor pada tahun 2005 dan kemuncaknya pada tahun 2009 telah diumumkan sebagai penerima anugerah gelaran Sasterawan Negara ke-10. Anugerah Sasterawan Negara merupakan anugerah tertinggi negara kepada tokoh yang menyumbangkan keunggulan sastera di dalam mahupun luar negara. Antara ucapan penerima Anugerah Sasterawan ke-10 dalam *Ikon Kesusasteraan 11 pemikiran global sasterawan Negara Malaysia* oleh Mohd. Yusof Hasan dan Siti Khariah Mohd. Zubir (2013:403) beliau menegaskan bahawa kesusasteraan Melayu sudah ke pentas dunia gelanggan diciptakan karya bertaraf dunia dan memperihalkan bahawa para pengarang adalah insan istimewa yang dianugerahkan bakat oleh Tuhan untuk membimbing umat manusia sebagai hamba dan khalifah.



Sesungguhnya menghasilkan sesebuah karya yang bermutu dan memenuhi ciri-ciri keunggulan bukan mudah dan tidak mampu dimiliki oleh orang sebarangan. Demikian penghasilan karya yang bermutu mampu meletakkan karya di takhta keunggulan sebagai usaha penat lelah merencanakan buah fikiran, daya kreatif dan kebijaksanaan yang dimiliki pengarangnya. Bagi Mana Sikana (2006:31) keunggulan teks sastera berupaya menyaksikan kemampuan seseorang pengarang melihat, mengintunasi, mengintektualisme serta menemui metode dan mekanisme mengungkapkan pengalaman mereka supaya terlihat keunggulan seninya. Oleh yang demikian, pengarang yang menghasilkan karya yang bermutu patut dan relevan diangkat sebagai wacana keunggulan kepengarangan seseorang pengarang.

Bukan sekadar itu, pembaca sebagai masyarakat juga harus bijak menilai hasil kepengarangan pengarang yang benar-benar kreatif dan kaya dengan sifat keunggulan dengan memberi sokongan dalam usaha mengangkat karya di takhta kegemilangan





sastera tanah air. Pengarang sebegini selain cuba mencerminkan sifat keperibadian diri dan keindahan, malah jauh bagi memberi nilai dan pengajaran penting dalam pembangunan masyarakat. Demikian menurut Mana Sikana (2013:83) apabila kita menganggap bahawa sastera itu mendekati akar tradisi sesebuah masyarakat, maka falsafah yang terkandung di dalam sastera itu yang bertunjangkan keindahan dan kebenaran tidak hanya dinikmati dan diambil pengajaran oleh masyarakat pada masa itu sahaja tetapi akan terus hidup dan subur untuk dinikmati oleh generasi seterusnya. Dengan itu, pengarang sastera yang sebenar-benarnya akan dijulung dalam usaha mengembalikan martabat dan kedudukan sastera di tanah air.

Justeru, kajian novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan* akan dikaji bagi membuktikan aspek keunggulan kepengarangan pengarangnya iaitu Anwar Ridhwan. Keunggulan ini pula akan dilihat melalui aspek-aspek yang menjadi nadi dan kekuatan novel selain turut melihat isu yang dipaparkan serta penggunaan sudut keindahan sebagai sensitiviti pengarang dalam kepengarangannya hingga mengangkat martabat karya dan pengarang. Menurut Rahimah A. Hamid (2017) menyatakan bahawa sensitiviti ialah percikan pertama yang membangkitkan idea atau ilham di jiwa pengarang untuk mengarang sehingga menampilkan daya kreativiti dan keistimewaan dalam sesebuah karya. Berdasarkan keunggulan kepengarangan ini akan menjadi teras penciptaan dan sensitiviti pengarang sebagai usaha meletakkan karyanya pada tahap yang unggul di sisi masyarakat dan dunia sastera atas usaha pembinaan dan pembangunan masyarakat.





1.3 Pernyataan Masalah

Dunia kesusasteraan Melayu abad ke-21 hari ini telah memperlihatkan persaingan global seiring dengan perkembangan revolusi perindustrian 4.0. Kemunculan dan perkembangan sains dan teknologi turut mempengaruhi pemikiran dunia sastera yang perlu dikembalikan hak kegemilangannya. Bagi Ali Ahmad (2004) apa yang lebih membimbangkan daripada kesan teknologi dan siber terhadap pemikiran generasi kini yang mungkin menjejaskan pandangan sihat mereka terhadap nilai kesusasteraan. Melalui ruang informasi baharu ini telah membuka ruang kebebasan maklumat untuk dicapai oleh sesiapa sahaja. Melalui ruang ini juga telah melahirkan karya-karya sastera baharu bercorak digital melalui akses laman web yang tidak terbatas. Walau bagaimanapun, tafsiran dan interpretasinya adalah bergantung kepada akal budi pembaca bagi meletakkan sastera di takhta keunggulan.



Atas faktor ledakan era sains dan teknologi ini turut mempengaruhi usaha beberapa pengarang sastera yang terus menjana proses kepengarangan bagi membentuk keperibadian dan keunggulan kepengarangannya sekaligus meletakkan sastera di tahap yang unggul. Menurut Mana Sikana (2013:229) sejarah membuktikan bahawa untuk mencapai sastera yang unggul, tradisi *high literature* mesti dikerjakan, terutamanya pengarang yang sedar tanggungjawabnya terhadap pembinaan dan pembangunan bangsa selain penekanan kepada ideologi yang harus dituntut oleh seseorang pengarang. Oleh hal yang demikian, pengarang yang sedar akan tanggungjawab tersebut sedaya upaya menampilkan karya yang unggul melalui ideologi yang dipegang bagi mencapai taraf pengarang yang unggul. Oleh itu, kepengarangan tidak harus diketepikan dalam dunia sastera sebagai salah satu cabang untuk memperlihatkan kekuatan unsur yang digunakan pengarang demi mencapai tahap keunggulan.





Proses kepengarangan kebiasaannya menjadi rahsia peribadi pengarang dan perlu diteliti bagi memahami tujuan dan mesej sebenar yang disampaikan pengarang. Kebiasaannya pembaca hanya tertumpu kepada hasil karya pengarang, namun tidak pula melihat keunggulan yang menjadi nadi karya terbabit dan cara karya tersebut dihasilkan melalui kepengarangannya. Kepengarangan pengarang merangkumi latar belakang, pengaruh dan keilmuan pengarang dalam mempengaruhi penulisan mereka serta sumbangan-sumbangan pengarang dalam pembinaan dan pembangunan bangsa sedangkan keunggulan sesebuah teks lahirnya daripada pengarang yang unggul. Bagi Jelani Amir dalam Mana Sikana (2013:230) menyatakan bahawa penyerlahan teks lazimnya dipengaruhi dan diwacanakan oleh pengalaman, ilmu pengetahuan, falsafah, pendirian, tanggapan dan nilai seseorang pengarang. Oleh yang demikian, ciri-ciri unggul yang terdiri daripada pelbagai unsur dan elemen yang membina teks harus dikaji sedalamnya bagi memahami kandungan sebenar mesej pengarang selain mempelajari dinamika kepengarangannya.

Kepengarangan memperlihatkan usaha pengarang menterjemahkan pemikirannya melalui penghasilan karya. Sebagai pembaca yang ingin memahami karya, mesej dan telunjuk pengarang yang unggul seharusnya mengkaji selok-belok kepengarangan pengarangnya. Menurut Othman Puteh (2015) bahawa pembaca dan pengkaji akan dapat menelusuri jejak dan arah untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan dalam memahami latar belakang dalam mencerna sesuatu karya dengan lebih baik. Begitu juga bagi Rahimah A. Hamid (2017) menegaskan bahawa kepengarangan amat penting bagi membolehkan pembaca mengetahui tujuan dan kepentingan kepada penghasilan sesuatu proses kreatif. Oleh itu, apabila kepengarangan pengarang dikaji dapat membantu pembaca mentafsirkan dengan tepat





mesej, niat dan kandungan yang ingin disampaikan pengarang selain memperlihatkan keunggulan aspek yang digunakan sebagai nadi binaan teksnya.

Seseorang pengarang yang unggul akan cuba sedaya upaya menghasilkan karya yang benar-benar berjaya memberikan impak kepada masyarakat bahkan menampilkan imej kepengarangannya yang berbeza dengan pengarang lain. Impak ini dilihat wujud dalam karya mereka yang sarat dengan nilai dan falsafah hidup mengikut stail dan hasil kepengarangan seseorang pengarang sebagaimana menurut A. Halim Ali (2016:12) bahawa karya kesusasteraan Melayu merupakan warisan peradaban yang menawarkan pencernaan nilai kemanusiaan dan kemasyarakatan, nilai murni dan falsafah hidup. Oleh hal yang demikian, demi mencapai pengarang yang unggul dalam kepengarangan seseorang pengarang akan berusaha menampilkan unsur-unsur tertentu yang menjadi kekuatan kepada keperibadian pengarang.



Kepengarangan pengarang sastera yang unggul sering diketepikan oleh masyarakat atau pembaca yang hanya melihat sudut penceritaan teks semata-mata. Impaknya, pembaca sukar malahan gagal memahami mesej atau kandungan sebenar yang ingin disampaikan pengarangnya kerana teks yang unggul sememangnya berat dan sarat dengan persoalan yang menggunakan perlambangan tertentu, dengan makna diselindung secara intrinsit selain bahasa simbolik yang menyukarkan pembaca memahami niat pengarang. Demikian juga memberi impak kepada pembaca dan penulis serta generasi baharu yang tidak dapat berkongsi pengalaman kepengarangan yang berguna kepada lahirnya pelapis kepengarangan baharu. Dalam konteks ini, pembaca wajar melihat sudut hasil kepengarangan sesebuah karya dan turut mengenali pengkarya supaya lebih memahami isi kandungan serta mesej yang disampaikan.





Melihat betapa pentingnya kepengarangan sebagai sebahagian daripada dinamika sastera yang patut dipelajari, maka bukti ini jelas terkandung dalam sukatan dan huraian sukatan pelajaran kesusasteraan Melayu sekolah menengah yang turut menjadi sebahagian daripada aspek pembelajaran utama perlu didedahkan kepada pelajar sekolah khususnya mereka yang mengambil subjek Kesusasteraan Melayu. Pembelajaran kepengarangan ini terkandung dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Kesusasteraan Melayu Komunikatif bagi standard kandungan 1.1 bersama standard pembelajaran 1.1.1 seperti berikut :

1.1 Mengenali pengarang dan memahami jenis, ciri dan fungsi Kesusasteraan Melayu

1.1.1 Menyatakan biodata pengarang, karya dan sumbangan pengarang dalam bidang kesusasteraan.

(Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Kesusasteraan Melayu

Komunikatif:2018)

Meneliti kepada bahagian standard kandungan dan standard pembelajaran tersebut, memperlihatkan bahawa aspek kepengarangan patut diberi perhatian dalam kajian sastera. Kepengarangan ini penting bagi memahami kekuatan dan keunggulan unsur yang dijadikan idea utama kreativiti dan keintelektualan pengarang. Menurut Sohaimi Abdul Aziz (2016) bahawa kurikulum bukan hanya menggariskan hasil pembelajaran, malah turut memberi cadangan serta aktiviti misalnya untuk mencapai kaedah mengalami dan menghayati kepengarangan di atas, murid boleh membuat buku skrap, menulis rencana, blog, menghasilkan video pendek, temu bual dan lawatan bersemuka dengan pengarang sendiri. Oleh itu, berdasarkan pendidikan kepengarangan, pembaca dapat memahami kekuatan unsur yang menjadi keunggulan





dalam kajian novel dengan lebih mudah. Melalui kepengarangan ini turut dapat dijadikan sebagai salah satu pembelajaran yang menarik melalui aktiviti yang disarankan bertepatan dengan pembelajaran abad ke-21.

Novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan* sarat dengan makna dan simbolisme yang membawa keunggulan kepada hasil kepengarangan Anwar Ridhwan. Pembaca sukar memahami novel tersebut jika tidak meneliti setiap perkara yang menjadi simbolisme dalam setiap unsur yang diketengahkan sebagai bentuk kepengarangan bagi memahami novel-novel tersebut. Bagi Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali (2014:69) *Naratif Ogoshoto* telah membawa penulisan corak sastera Melayu yang keluar daripada kepompong Melayu, meneroka dan mengutarakan suara baharu Asia dengan daya tarikan antarabangsa dengan unsur universalisme dan kekuatan kemanusiaannya membawa satu kreatif genius. Demikian juga novel *Penyeberang Sempadan* oleh Nazmi Yaakub dalam *Berita Harian* (2017) teknik naratif novel ini berbentuk pengembaraan yang sarat dengan wacana ideologi dan merungkai persoalan sejarah negara daripada perspektif baharu yang memperjuangkan nasionalisme Melayu daripada perspektif berbeza tetapi mempunyai matlamat yang sama, iaitu untuk merdeka. Transformasi Anwar Ridhwan memerlukan sokongan kepengarangannya bagi memperlihatkan keunggulan bagi memahami teks tersebut.

Kajian dan penelitian terhadap Anwar Ridhwan telah dibincangkan oleh beberapa tokoh sarjana seperti *Hipoteks tradisional dalam novel-novel Anwar Ridhwan* oleh Mawar Shafei (2005), *Semiotik dalam novel Anwar Ridhwan* oleh Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali (2014), *Konsep Anwar Ridhwan dalam novel Penyeberang Sempadan* oleh Mohamad Mokhtar Abu Hasssan dan Raja Rajeswari Seetha Raman (2015), serta *Analisis Kajian Sastera: Semiotik Dalam Novel Anwar Ridhwan* oleh Jyh





Wee Sew (2016). Walaupun kajian tersebut meneliti kepada Anwar Ridhwan, namun keseluruhan tidak membuat kajian terperinci tentang novel-novel terpilih beliau bagi mengenal pasti keunggulan kepengarangan dengan menggunakan teori Teksdealisme atau aplikasi konsep baharu yang wajar dan relevan dijalankan bagi membuktikan sejauhmana keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan.

Disebabkan permasalahan yang dikenal pasti telah memulakan beberapa masalah yang harus diteliti bagi mengangkat keunggulan sesebuah teks sekaligus meletakkan kepengarangan Anwar Ridhwan pada tahap unggul. Bagi Mana Sikana (2008) sesebuah karya sastra yang unggul lahir daripada kebijaksanaan pengarangnya dalam menggerakkan kemampuan indera sasteranya untuk berkarya dan mencapai tahap keunggulan. Maka, keunggulan menjadi kunci bagi melihat kekuatan kepengarangan Anwar Ridhwan sebagai penulis yang benar-benar unggul di takhta dunia sastra. Dalam konteks ini, bagi mencapai tahap keunggulan harus menuntut Anwar Ridhwan mempunyai ciri dan sifat keberanian sebagaimana menurut Mana Sikana (2013:230) ciri utama yang digariskan terhadap sebuah teks yang unggul ialah keberanian yang menjadi kod yang terjelma dalam keseluruhan struktural dan sesebuah teks. Ciri ini pula akan membantu pembaca mentafsir kandungan kedua-dua novel tersebut yang akan menjawab persoalan tentang kesukaran memahami novel-novel tersebut.

Justeru, kajian ini akan mengkaji keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan dalam novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan* berlandaskan empat prinsip teori Teksdealisme iaitu prinsip kehadiran, prinsip pelanggaran, prinsip pengukuhan dan prinsip individualisme. Keempat-empat prinsip teori Teksdealisme akan diteliti dalam setiap kandungan kedua-dua novel tersebut bagi membuktikan



keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan. Melalui empat prinsip tersebut pula akan menampilkan mekanisme baharu dalam menganalisis keunggulan kepengarangan. Kajian ini penting bagi mendapatkan data keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan dalam kedua-dua novel tersebut yang dapat mengenal pasti dan menganalisis kepengarangan Anwar Ridhwan. Demikian juga turut membantu pembaca memilih karya-karya yang unggul sebagai bahan bacaan yang bermanfaat selain mengangkat tokoh Sasterawan Negara ke-10 sebagai ikon penyumbang ke arah keunggulan sastera tanah air.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini akan melihat aspek keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan dalam novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan* melalui ciri-ciri yang terdapat dalam teori Teksdealisme melalui prinsip kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan individualisme. Di samping itu, kajian ini turut melihat keberanian dan pembaharuan Anwar Ridhwan dalam kepengarangannya. Dari sudut objektif khusus, kajian ini akan dapat :

- i) Menenal pasti aspek-aspek keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan dalam novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan* melalui prinsip kehadiran dan prinsip pelanggaran teori Teksdealisme.
- ii) Menganalisis aspek-aspek keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan dalam novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan* melalui prinsip pengukuhan dan prinsip individualisme teori Teksdealisme.



- iii) Mengemukakan konsep keunggulan kepengarangan baharu melalui Citra Keunggulan Insan melalui prinsip hijrah, prinsip jati diri dan prinsip Insaniah.

1.5 Soalan Kajian

Berdasarkan kepada objektif kajian yang telah dinyatakan, penyelidikan ini bertujuan mendapat jawapan kepada soalan-soalan kajian berikut:

- i) Apakah aspek-aspek keunggulan novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan* dibuktikan melalui prinsip kehadiran dan prinsip pelanggaran teori Teksdealisme?
- ii) Bagaimanakah aspek keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan dianalisis melalui prinsip pengukuhan dan prinsip individualisme teori Teksdealisme?
- iii) Bagaimanakah prinsip baharu Citra Keunggulan Insan melalui prinsip hijrah, prinsip jati diri dan prinsip insaniah terbentuk berlandaskan teori Teksdealisme ?

1.6 Kepentingan Kajian

Setiap kajian yang dijalankan mempunyai motif dan kepentingan kepada pihak tertentu. Kajian ini difokuskan kepada penulis novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan* iaitu Anwar Ridhwan yang bertujuan untuk mengetahui unsur-unsur





keunggulan kepengarangan yang terdapat dalam novel yang dipilih. Kepentingan kajian ini dapat dilihat daripada sudut berikut :

- i) Hasil kajian ini penting untuk mengenal pasti aspek-aspek keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan dalam novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan*.
- ii) Kajian ini juga penting bagi para pengkaji dan penyelidik sebagai asas untuk memahami proses kepengarangan penulis yang dapat dijadikan panduan kepada penulis lain bagi mencapai tahap keunggulan.
- iii) Membantu pembaca memilih karya-karya yang unggul dan bermutu sebagai bahan bacaan ilmiah yang kaya dengan nilai-nilai kemanusiaan
- iv) Mendorong pengarang untuk berusaha mempertingkatkan mutu penulisan karya supaya menjadi sebuah karya yang unggul dan bernilai kepada pembangunan institusi masyarakat.
- v) Hasil kajian ini penting sebagai rujukan kepada pengkaji dan penyelidik seterusnya.

1.7 Batasan Kajian

Batasan kajian merujuk kepada perkara yang tidak mungkin dikaji dan diselarikan melalui kajian. Dalam kajian ini, penyelidik membataskan kajian kepada perkara tertentu sahaja supaya skop kajian tidak terlalu luas. Batasan kajian meliputi teks kajian, bahan kajian, kaedah kajian yang dipilih, sasaran kajian serta masa kajian yang diperuntukkan bagi melengkapkan keseluruhan kajian yang dijalankan.





Bagi menjalankan kajian teks penulisan ini, teks yang dipilih ialah hasil karya Sasterawan negara ke-10 iaitu Anwar Ridhwan. Kajian ini hanya terbatas kepada karya Anwar Ridhwan, novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan* yang dijadikan sebagai teks utama kajian bagi membuktikan keunggulan kepengarangannya. Novel *Naratif Ogonshoto* merupakan satu-satunya novel bagi pembelajaran Kesusasteraan Melayu tingkatan empat dan lima sekolah menengah sejak tahun 2016 sehingga kini. Begitu juga novel *Penyeberang Sempadan* yang menjadi salah sebuah teks bacaan umum dengan mengemukakan teknik penceritaan di luar konvensional tentang ideologi pemikiran watak dan geografi merentas masa hampir empat dekad yang lalu. Kedua-dua novel ini akan memfokuskan kajian terhadap beberapa aspek isi, kandungan, unsur, mesej, kecenderungan tema, persoalan, nilai dan teknik penyampaian pengarang dengan melihat unsur dalam membina keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan. Gambaran masyarakat dan latar belakang serta persekitaran keindividualan dalam gaya penulisan juga akan dikaji sebagai penyumbang kepada keunggulan kepengarangan beliau.

Bagi menganalisis kedua-dua novel ini, teori Teksdealisme melalui empat prinsip iaitu kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan individualisme digunakan untuk mengenal pasti keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan. Bukti diperoleh dari sokongan bahan-bahan rujukan ilmiah serta pandangan pengkaji lain berkaitan Anwar Ridhwan. Faktor keindividualan pengarang dikaji untuk melihat sejauh mana mesej sebenar dan kandungan novel dalam kekuatan unsur yang digunakan dan ditonjolkan oleh pengarang dalam novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan*. Bagi novel *Naratif Ogonshoto*, kajian ini membataskan ruang lingkup asas kepengarangan penulis dengan penelitian yang ditumpukan kepada isi kandungan teks





ini yang ditulis secara prolog merangkumi Bab *Prolog*, Bab 1: *Kolonial*, Bab 2: *General*, Bab 3: *Penyamaran*, Bab 4: *Aisberg*, Bab 5: *Mainan*, Bab 6: *Pentafsir*, Bab 7: *Jari*, Bab 8: *Kamera*, Bab 9: *Bahtera* dan Epilog: *Tsunami*. Demikian juga novel *Penyeberang Sempadan* yang akan dikaji atas prinsip keunggulannya yang turut disusun secara prolog merangkumi Bab *prolog* dan sebelas bab utama yang diakhiri dengan *Epilog*.

1.8 Definisi Konseptual

Dalam kajian ini, terdapat beberapa konsep atau istilah yang digunakan pengkaji yang perlu difahami dengan lebih teliti. Definisi ini akan memudahkan kajian dan menyelesaikan kekeliruan yang wujud dengan turut melibatkan konsep yang diterjemahkan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini.

1.8.1 Keunggulan

Keunggulan terbit daripada kata dasar unggul yang dimaksudkan dalam *Kamus Dewan edisi ke empat* (2005) iaitu melebihi, mengatasi atau terbaik, istimewa ulung dan ideal. Bagi Abdul Aziz Rahman dalam Mana Sikana (2015:222) mentakrifkan unggul sebagai lebih daripada orang lain, terbaik, utama dan istimewa hingga membawa maksud hasil sastera yang terbaik ciptaannya. Perkataan unggul dalam konteks sastera memperlihatkan usaha seseorang pengarang memastikan diri dan karyanya istimewa dan terbaik antara penulisan sebelum ini malah terbaik di antara penulis-penulis sedia ada.





Keunggulan sering dikaitkan dengan hasil karya kepengarangan seseorang pengarang yang dilihat istimewa, unggul dan selalu diberi keutamaan berbanding karya-karya lain. Menurut Mana Sikana (2015:107) sesebuah teks yang unggul mempunyai nilai dan mutu yang tinggi dan idealisme pengarang dan sifat keunggulannya selalu berada dalam pemikiran pengarang sewaktu ia berkarya. Seseorang pengarang perlu memiliki sifat-sifat keberanian dan kebijaksanaan bagi mencapai tahap unggul. Sifat-sifat keberanian pula dilihat dalam unsur-unsur yang digunakan dalam teras penciptaan dan sensitiviti pengarang sebagai curahan idea dan pemikiran baharu yang dilihat berbeza dengan pengarang sedia ada dan sezamannya. Faktor keberanian ini akan mengungguli karya atas transformasi yang dilakukan pengarang dalam usaha meletakkan karya dan dirinya di takhta unggul.



Keunggulan pengarang turut berkait rapat dengan kebijaksanaan pengarang yang berjaya menghasilkan karya yang bermutu, istimewa dan unggul. Definisi ini turut dibincangkan dalam kajian Mohd Rashid Hj. Md. Idris (2012) iaitu merujuk kepada kemampuan dan kebolehan pengarang menggunakan akal dan fikiran yang dianugerahkan oleh Allah untuk berkarya. Ketajaman akal yang dianugerahkan dalam menghasilkan karya yang unggul telah dipengaruhi sama ada faktor pendidikan, pengalaman dan faktor agamanya yang mendorong kepada kebijaksanaan pengarang. Demikian juga cerah akal yang membantu pengarang menyelesaikan semua persoalan dengan bijaksana demi menghasilkan sesuatu yang benar-benar unggul.

Demikian juga definisi keunggulan dalam kajian Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali (2017) menyebutkan bahawa keunggulan merupakan usaha pengukuhan seseorang sebagai usaha pendewasaan yang unggul. Menerusi takrifan ini, dikaitkan bahawa pengarang akan berusaha melakukan pengukuhan kepada setiap karya melalui





pengukuhan dirinya demi menghasilkan karya yang bermutu dan yang lebih baik. Bahkan, menurut Mana Sikana (2006:93) pengarang yang unggul tidak akan membenarkan dirinya berada di bawah teks yang lemah atau atas kelemahan teks orang lain. Oleh yang demikian, keunggulan yang dimaksudkan ialah hasil karya yang dihasilkan oleh pengarang dengan kesungguhan dan mempunyai kedudukan serta keistimewaan dalam dunia penciptaan sastera.

Berdasarkan definisi dan takrifan yang dikemukakan beberapa tokoh sarjana, maka keunggulan dapat ditakrifkan sebagai suatu hasil dan usaha yang dilakukan oleh seseorang pengarang untuk meletakkan kedudukan karya dan namanya di peringkat terulung. Hasilnya, karya yang benar-benar bermutu dan istimewa dapat menjadi kekuatan kepada hasil ciptaan seseorang pengarang. Mereka telah melalui beberapa fasa dan peringkat pengukuhan bagi menghasilkan sebuah karya yang dapat melambangkan identiti unggul bagi diri dan karya yang dicipta. Maka, keunggulan ini pula harus dilihat dari segi unsur dan kekuatan yang menjadikan karya dan penulisnya benar-benar unggul.

1.8.2 Kepengarangan

Kepengarangan terbentuk daripada kata dasar pengarang yang merujuk kepada orang yang mengarang atau menghasilkan cerita, buku, puisi atau lagu. Terdapat pengarang yang dibentuk melalui bakat semula jadi dan terdapat juga yang dibentuk melalui panduan atau kursus yang bersistematik. Bagi Sulaiman Salleh (2014) pengarang yang mempunyai bakat semula jadi tidak memerlukan tahap pendidikan yang tinggi tetapi mampu menghasilkan karya yang berkualiti terutamanya karya kreatif atau separa





ilmiah. Bahkan, bagi pengarang yang mempunyai bakat semula jadi dengan tahap pendidikan tinggi diakui menggunakan daya intelektual dan kebijaksanaannya dalam menterjemah dinamika karya dengan lebih berkesan untuk dipersembahkan kepada pembaca mengikut kreativitinya sebagai bentuk kepengarangan yang terunggul.

Kepengarangan memperlihatkan keunggulan yang menjurus kepada pengarang dalam menghasilkan sesebuah karya sastera sama ada puisi, cerpen, novel, drama, esei dan sebagainya. Definisi kepengarangan dijelaskan oleh pelopor teori Teksdealisme Mana Sikana (2006) iaitu kepengarangan diterjemahkan sebagai pengarang ialah manusia yang paling berpengaruh, memiliki karisma sehingga dapat mempengaruhi pemikiran dan menguasai jiwa masyarakat. Kepengarangan atau turut dikenali sebagai pembentukan individualisme turut dapat dikesan melalui beberapa kriteria seperti subjektiviti pengarang, gaya individu, reka cipta individu, tindakan individu dan kenderian individu.

Bagi Mohd Daud Ibrahim (2015) kepengarangan bermaksud konsepsi pengarang terhadap sesuatu isu, hal atau perkara sedikit sebanyak dipengaruhi oleh latar belakang pengarang termasuk keluarga, pendidikan, pekerjaan, masyarakat, budaya, kepercayaan, ideologi dan politik. Konsepsi ini telah mempengaruhi pengarang dalam meletakkan keindividualan seseorang pengarang yang unggul sebagai cerminan masyarakat. Hasilnya juga memberi hiburan kepada masyarakat selain turut mendidik mereka dengan nilai dan pengajaran yang bermakna untuk diteladani buat generasi hari ini malah kekal kepada generasi akan datang.

Definisi kepengarangan melalui kajian Hashim Awang dan Hashim Ismail (2016) ialah menampilkan ciri jati diri dalam minda pengarang Melayu. Jati diri dalam





kepengarangan Melayu ini dilihat dalam menggambarkan imej antara budaya atau fungsi serta kepentingan budaya yang dilihat sebagai salah satu bentuk kepengarangan. Atas faktor ini sikap pengarang Melayu dari sudut kepengarangan dilihat sebagai pujangga yang mentransformasikan bentuk-bentuk penulisan sehingga melangkaui ke tahap antara budaya. Bahkan, pengarang sedemikian menganggap dirinya sebagai permainan antara adik-beradik yang menjadi satu bentuk pengenalan diri pengarang-pengarang Melayu. Oleh yang demikian, kepengarangan dapat memberi kesinambungan dengan cara pemikiran dan keharmonian yang dibina dalam naratif atau karyanya.

Demikian juga definisi kepengarangan dalam kajian Ghazali Din (2016) menyatakan bahawa kepengarangan ialah proses kelahiran sesebuah teks oleh kebijaksanaan dan keintelektualan pengarang. Sesebuah teks akan dibina melalui daya kreativiti dan imaginatif pengarang. Bagi pengarang yang memiliki daya kreativiti akan menyalurkan jiwa keintelektualannya untuk menghasilkan proses kreatif. Kepengarangan berkait rapat dengan pengaruh emosi pengarang untuk diterjemahkan dalam penghasilan karya dan mengandungi mesej yang dipengaruhi oleh hubungan pemikiran bawah sedar, separuh sedar, pengaruh emosinya dan sikap intrinsik pengarang. Kepengarangan bagi seorang pengarang terbit berdasarkan keinginan dan naluri yang membangkitkan emosi dalam penghasilan karyanya. Melalui keinginan ini akan terbit desakan untuk menghasilkan karya yang mampu memberi pengajaran dan pendidikan bermanfaat kepada pembaca.

Tafsiran kepengarangan oleh Salbiah Mustafa (2017) kepengarangan berkaitan dengan latar belakang, keahlian, sikap-sikap dan karya-karyanya selain menunjukkan sebagai hasil kerja bakat seseorang pengarang. Kebiasaan latar belakang dan sejarah





pengarang dinyatakan pada halaman pertama atau pada bahagian akhir karya sebagai sedikit sumber kepengarangan pengarang. Bagi pengarang yang sudah menempa nama dalam dunia sastera, pembaca dapat mencari maklumat dari sumber-sumber lain serta kajian daripada pengkaji-pengkaji dalam mahupun luar negara yang melihat kepentingan dan kerelevanan kepengarangan sebagai suatu pengetahuan yang berguna untuk dipelajari. Oleh yang demikian, melalui kepengarangan ini membolehkan pembaca mengetahui selok-belok hasil yang mendorong pengarang menghasilkan kreativiti dalam penulisan sekalis turut membantu pembaca memahami karya dengan lebih baik dan tepat.

Menyedari betapa pentingnya kepengarangan, maka aspek ini telah dijadikan sebagai sebahagian daripada sukatan pelajaran komponen komsas dan kesusasteraan

Melayu sekolah. Pendidikan kepengarangan merupakan langkah awal mengenali aspek biografi, latar belakang, pengaruh dan hasil kreatif pengarang yang terkandung dalam sistem pendidikan. Pembelajaran ini penting agar murid dapat mengetahui latar belakang dan biografi pengarang serta sebagai salah satu cara untuk memahami, mentafsir dan menilai sesebuah karya. Bagi Mohd Daud Ibrahim dan Rohaidah Kamarudin (2015:17) menyatakan bahawa melalui langkah mengenali pengarang dapat mengetahui mesej ataupun pengajaran yang dibawakan oleh seseorang penulis wujud untuk di tafsir oleh setiap pembaca yang memberi penilaiannya sama ada mesej itu berguna ataupun sebaliknya. Oleh yang demikian, kandungan sukatan baharu turut mengandungi elemen pengisian kurikulum meliputi ilmu termasuklah kepengarangan, sosiobudaya, nilai kemanusiaan, kewarganegaraan dan kemahiran bernilai tambah. Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Kesusasteraan Melayu Komunikatif bagi standard kandungan 1.0 bersama standard pembelajaran 1.1. telah menekankan





kepentingan pembelajaran kepengarangan. Melalui pendidikan kepengarangan yang terkandung dalam KSSM Kesusasteraan Melayu dapat membantu murid serta pembaca memahami novel dengan lebih baik mengikut kefahaman dan pengalaman mereka.

Menyentuh definisi dan tafsiran kepengarangan yang diutarakan oleh para sarjana, maka dapat dirumuskan maksud kepengarangan ialah faktor atau sumbangan yang mendorong pengarang menghasilkan sesebuah karya. Faktor dan sumbangan ini telah didorong dari sudut latar belakang, pendidikan, pemikiran dan pengaruh atau ideologi yang menjadi sumber penting dalam penulisan karya yang dihasilkan hingga menampilkan keunggulan. Seseorang pengarang akan dipengaruhi jiwa, emosi dan keinginannya untuk berkarya selain sumber latar belakangnya yang membantu menjiwai proses kreatif agar tampil unggul. Malah, keunggulan yang dibawa oleh pengarang dapat menjadi suatu alat pembentukan serta pembangunan masyarakat yang wujud melalui karya sastera. Menyedari hakikat ini, kepengarangan seseorang pengarang amat penting bagi meletakkan keunggulan teks dan pengarangnya dalam arus perkembangan dunia sastera pada hari ini.

1.8.3 Novel

Dalam genre kesusasteraan, novel salah satu genre dianggap popular dalam kalangan pembaca yang diterjemahkan sebagai cerita panjang. Maksud novel dalam *Kamus Dewan edisi ke empat* (2005) bermaksud cerita dalam bentuk prosa, biasanya panjang dan kompleks yang menceritakan berkaitan dengan pengalaman manusia dan kelakuan sosial. Novel sebenarnya berasal daripada bahasa Itali iaitu *novella* yang bermaksud perkhbaran baru atau cerita yang panjang. Novel menurut Kamarudin Hj. Husin (1988)





merupakan sebuah roman yang singkat atau dikenali juga sebagai sebuah prosa reka yang panjang yang di dalamnya terkandung sebahagian daripada sebuah kehidupan manusia yang dihidupkan melalui watak, latar dan gaya bahasanya.

Demikian juga takrifan novel menurut Mana Sikana (1988) novel mengandungi tema, plot, perwatakan, bahasa, sudut pandangan dan latar. Novel turut menjadi media yang menggambarkan pelbagai persoalan sosial merentasi zaman untuk dijadikan bahan bacaan yang sarat dengan nilai dan pengajaran yang berguna kepada masyarakat sebagai pembaca. Bagi Hazami Jahari (1992) Novel merupakan satu saluran pengucapan jiwa dan perasaan yang dapat mewakili sikap, identiti dan tanggapan penulis terhadap perkara, isu atau pemikiran yang ingin disampaikan kepada pembaca. Dalam konteks ini, novel dianggap sebagai genre cereka dalam sastera yang memperlihatkan sifat sebenar kehidupan melalui pemikiran, tema, watak dan perwatakan serta latar yang jelas untuk dijadikan bahan bacaan bermakna kepada pembaca.

Bagi Mawar Shafei (2010) dalam konteks kesusasteraan Melayu, perkataan novel untuk pertama kali digunakan dalam tulisan Orang Sekijang, “perasaan dan fikiran seseorang Sasterawan” dan begitu juga dengan sejarah awal novel Melayu sering dikaitkan dengan latar ketidakpastian ciri novel Melayu itu sendiri. Perkembangan sejarah novel tersebut akhirnya memberi satu jalur panjang kepada perkembangan penulisan novel Melayu sejak kemunculan novel pertama hingga kini. Sejarah awal novel Melayu dikaitkan dengan latar ketidakpastian ciri novel Melayu itu sendiri sebagaimana novel Melayu pertama yang mula bertapak dalam sejarah perkembangan sastera tanah air iaitu *Hikayat Faridah Hanum* (1925) karya Syed





Sheikh Ahmad al-Hadi. Karya genre novel ini telah membangkitkan beberapa persepsi dan perbahaasan tentang konsep novel dan berkembang hingga lahir novel-novel lain.

Definisi novel menurut Nursham Abdul Aziz (2015) menjadi media bagi menggambarkan pelbagai persoalan sosial untuk difikirkan dan dijadikan bahan renungan. Istilah novel dipinjam daripada bahasa Inggeris yang berasal dari Itali, iaitu *novella* yang bermaksud satu bentuk cerita prosa yang panjang. Novel dibina berasaskan persoalan-persoalan yang dipetik daripada rencamnya kehidupan sesuatu masyarakat dalam alam realiti. Setiap pengarang akan memastikan binaan plot dan teknik plot yang sesuai dalam penghasilan novelnya agar pembaca mendapat kepuasan apabila membaca hingga ke akhir penceritaan. Menerusi novel juga selain untuk tujuan mendapatkan hiburan, gambaran kelakuan watak, latar belakang pelbagai golongan masyarakat dan permasalahannya diceritakan melalui pelbagai teknik plot sama ada pemerian, dialog, monolog, monolog dalaman, sapsen dan imbas kembali serta imbas muka.

Bagi tafsiran Salbiah Mustafa (2017) novel merupakan genre sastera yang dihasilkan dengan begitu indah menjadi sebuah prosa panjang yang mampu menarik pembaca menghayati dengan lebih mendalam bagi mengetahui segala peleraian bagi konflik yang dikemukakan pengarang. Novel mempunyai sifat dan bentuk yang tersendiri. Sebelum genre novel terbina kukuh dalam kesusasteraan Melayu, hasil karya yang panjang ini dinamakan hikayat. Novel turut mengandungi ruang lingkup penceritaan yang luas jika dibandingkan dengan genre sastera lain seperti cerpen, drama mahupun prosa tradisional. Demikian juga novel melibatkan watak yang ramai dan pelbagai sama ada berbentuk fiksyen mahupun bukan fiksyen sebagai novel yang bermakna kepada pembaca.





Menyentuh definisi novel yang dikemukakan, dapat didefinisikan bahawa novel merupakan salah satu genre atau prosa panjang yang ditulis pengarang bagi menggambarkan tentang sesuatu zaman, penceritaan dan pengaruh, pengalaman serta kreativiti pengarang. Penceritaan novel begitu kompleks dengan watak, latar, tempat dan plot serta teknik plot yang pelbagai. Novel *Naratif Ogonshoto* merupakan teks novel Kesusasteraan Melayu tingkatan empat dan tingkatan lima sekolah menengah. Novel ini memperihalkan masalah negara dunia ketiga seperti hak asasi manusia, alam sekitar, ekologi, pencabulan demokrasi dan kritikan terhadap pemimpin serta pemerintahan yang zalim. Demikian juga novel *Penyeberang Sempadan* yang berbentuk pengembaraan dengan merungkai persoalan sejarah negara daripada perspektif nasionalisme Melayu yang memperjuangkan kemerdekaan. Jalinan cerita *Naratif Ogonshoto* dan *Penyeberang Sempadan* disusun mengikut prolog mengikut bab, watak dan latar.



1.8.4 Latar Belakang Anwar Ridhwan

Mohd Anuar Haji Rethwan atau nama penanya Anwar Ridhwan memang tidak asing lagi dalam perkembangan penulisan kreatif Kesusasteraan Melayu di Malaysia. Beliau dilahirkan pada 5 Ogos 1949 di Parit Satu Timur, Sungai Besar, Selangor. Anwar Ridhwan menerima pendidikan awal di sekolah Kebangsaan Sungai Besar bermula tahun 1956 hingga 1962 kemudian ke sekolah menengah Ungku Aziz, Sabak Bernam pada tahun 1963 hingga 1967 sebelum ke tingkatan enam di sekolah Alam Shah, Kuala Lumpur pada tahun 1968 hingga 1969. Beliau melanjutkan pelajaran di Universiti Malaya dengan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sastera pada tahun 1973, Ijazah Sarjana dan kemudian mendapat Ijazah Doktor Falsafah (PhD) pada tahun 1998.





Anwar Ridhwan begitu aktif dalam bidang sastera dan pernah berpeluang mengikuti *International Writing Program* di Universiti Iowa, Amerika Syarikat, menyertai pertemuan puisi dunia di Struga Russia sebagai tetamu penulis Soviet dan turut diberi kepercayaan untuk memegang beberapa jawatan penting dalam perkembangan sastera tanah air. Antara jawatan yang pernah beliau sandang ialah menjadi Ketua Bahagian Pembinaan dan Perkembangan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Profesor Pelawat di Tokyo University of Foreign Studies, sebagai setiausaha GAPENA dan Dekan Fakulti Penulisan, Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (Aswara). Kemuncak pencapaian beliau dalam perkembangan sastera Malaysia adalah apabila beliau dianugerahkan sebagai penerima Anugerah Sastera Negara ke-10 yang disampaikan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin membawa gelaran Sasterawan Negara ke-10.



Pemilihan beliau sebagai tokoh Sasterawan Negara ke-10 atas sumbangan kreatif dan kesan pemikiran yang membawa imej sastera bagi masyarakat Malaysia. Melalui anugerah ini, beliau menerima warkah penghargaan negara, wang tunai sebanyak RM 60,000.00 serta pelbagai kemudahan untuk berkarya selain turut mendapat kepercayaan oleh pihak kerajaan yang membeli beberapa naskah karya beliau untuk dijadikan sebagai teks di sekolah termasuk novel *Naratif Ogonshoto* yang sehingga kini menjadi satu-satunya teks novel untuk murid tingkatan empat dan lima. Bahkan, *Naratif Ogonshoto* inilah membawa karyanya memenangi Hadiah Sastera Perdana Malaysia pada tahun 2002 dan Hadiah Sastera Mastera Brunei dan SEA Write Award.

Menurut Mohd Yusof Hasan dan Siti Khairah Zubir (2013) Anwar Ridhwan berhasrat melahirkan karya besar yang mengangkat cita-cita bangsa dan negara. Hasrat





ini telah memperlihatkan bahawa beliau begitu komited dalam menjana pemikiran dan estetika dalam sastera tanah air hingga diterjemahkan dan dikembangkan ke peringkat antarabangsa. Bahkan bagi Jhy Wee Sew (2016) pengalaman beliau bekerja di Tokyo dan kembali berkhidmat semula di Dewan Bahasa dan Pustaka telah membantu pembaca memahami unsur budaya ketimuran yang mendalam dalam novel-novel Anwar Ridhwan. Demikian pengalaman yang diperoleh telah diterjemahkan dalam kreativiti melalui penulisan kreatifnya termasuk novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan* yang telah mengangkat pemikiran beliau hingga memenangi Hadiah Sastera Perdana Malaysia pada 2000/2001 dan Hadiah pertama Hadiah Sako 3 bagi novel nasional pada tahun 2002/2007.

Penulisan kreatif beliau lebih menjurus kepada penulisan cerpen dan novel

walaupun sedikit menulis dalam puisi dan drama. Beliau mula menulis cerpen pada tahun 1970 apabila salah satu cerpennya memenangi hadiah Sastera Malaysia.

Keupayaan beliau mengarang terserlah apabila menampilkan pembaharuan konvensi dari segi gaya penulisan yang berbeza dengan gaya penulis-penulis sastera sedia ada di negara. Bagi Saleeh Rahamad (2000) Anwar Ridhwan membawa perubahan konvensi yang berbeza daripada novel-novel pada waktu itu dari segi pendekatan dan teknik penceritaannya. Beliau menekankan mesej dan persoalan kemanusiaan serta begitu teliti dan berjaya meninggalkan kesan kepada pembaca selain kebanyakan karyanya berlatarkan luar negara dengan memperlihatkan bahawa karyanya sudah diterima hingga ke peringkat antarabangsa.





1.9 Kesimpulan

Keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan diteliti berdasarkan pilihan dua novel yang meletakkan beliau di takhta keunggulan kepengarangan. Sebagai tokoh Sasterawan Negara, Anwar Ridhwan meletakkan intelektualnya yang dianugerahkan dalam *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan* yang sarat dengan nilai dan pengajaran. Kehebatan karya ini jelas dibuktikan apabila novel *Naratif Ogonshoto* dipilih sebagai teks novel Kesusasteraan Melayu sekolah menengah dan telah memenangi Hadiah Sastera Perdana Malaysia pada 2000/2001. Demikian juga dengan novel *Penyeberang Sempadan* yang turut memenangi Hadiah pertama Hadiah Sako 3 bagi novel nasional pada tahun 2002/2007. Melalui pencapaian dan anugerah yang diperoleh hasil daripada ciptaan kedua-dua novel berkenaan menjadikan kajian ini wajar dan relevan dijalankan bagi mengenal pasti tahap keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan.

Kandungan dan penceritaan kedua-dua novel hasil ciptaan Anwar Ridhwan melalui *Naratif Ogonshoto* dan *Penyeberang Sempadan* biarpun sarat dengan kata-kata dan dianggap berat, hakikatnya menjurus kepada keunggulan kepengarangannya yang mementingkan kualiti. Keunggulan kepengarangan beliau dalam dua buah novel tersebut dikaji melalui penggunaan unsur-unsur yang menjadi kekuatan karya bagi memahami makna, mesej dan tujuan Anwar Ridhwan mengarang novel tersebut. Kekuatan unsur-unsur yang digunakan akan menjadi tunjang kepada kekuatan binaan novel tersebut bagi membuktikan tahap keunggulan kepengarangannya. Unsur-unsur keunggulan ini pula akan dilihat berdasarkan pendekatan teori Teksdealisme melalaui empat prinsipnya iaitu prinsip kehadiran, prinsip pelanggaran, prinsip pengukuhan dan prinsip individualisme demi membuktikan sesebuah karya sastera yang unggul.





Akhirnya melalui keempat-empat prinsip ini akan menemukan konsep keunggulan dalam Citra Keunggulan Insan sebagai langkah baharu mengukur tahap keunggulan kepengarangan seseorang pengarang.

